



## MAJLIS PECAH TANAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BALING, KEDAH



YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Baling, Kedah pada 14 April 2018 yang lalu. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Paduka Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim, dan YAB Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah bin Md Hanipah.

Kerajaan telah melaksanakan Projek pembinaan PPR bermula sejak RMKe-8 untuk memberi peluang kepada rakyat yang berpendapatan isirumah tidak melebihi RM3,000 ringgit dan penduduk setinggan untuk memiliki atau menyewa rumah yang selesa pada harga yang amat mampu milik di kawasan-kawasan bandar maupun pinggir bandar.

Untuk rekod, di Kedah sahaja, Kerajaan telah dan sedang membina sebanyak 5,910 unit PPR. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,494 unit rumah PPR telah siap dibina, 1,416 unit sedang dibina dan 2,000 unit dalam perancangan. Kesemua peruntukan bagi PPR di negeri Kedah ini berjumlah RM902.5 juta.



Manakala bagi projek PPR Baling, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM97.5 juta bagi pembinaan 500 unit rumah teres satu tingkat termasuk kemudahan seperti surau, dewan komuniti, tadika dan taska serta kedai dan gerai. Kos bagi membina satu unit rumah PPR ini adalah sebanyak RM195,000.00 dan akan dijual hanya dengan harga RM35,000.00. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan telah memberi subsidi sebanyak RM160,000.00 per unit khas untuk rakyat Baling.

Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan komited untuk memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi dan berkualiti selaras dengan Dasar Perumahan Negara.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat